



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 15 Tahun 2020

PENANGGUHAN PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA BAGI PENGAJIAN TAHUN 2020

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan pihak yang berkepentingan mengenai penangguhan pembayaran yuran pengajian pelajar tahun 2020 sehingga tarikh rasmi pengumuman keputusan peperiksaan akhir / penilaian akhir kepada pelajar.

LATAR BELAKANG

2. Peraturan Akademik Pelajar (Perkara 2.2) menetapkan bahawa status pelajar UiTM adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a. Mendaftar sebagai pelajar dengan Universiti untuk mengikuti program pengajian pada tarikh yang ditetapkan;
- b. Menjelaskan yuran pengajian tidak lewat dari tarikh yang ditetapkan; dan
- c. Mendaftar kursus yang ditetapkan dalam pelan pengajian untuk semester berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

3. Status Gugur Taraf (GT) akan diberikan kepada pelajar yang gagal mendaftar kursus dan / atau gagal membayar yuran pengajian dalam tempoh yang ditetapkan pada setiap semester. Pelajar boleh membuat permohonan penangguhan pembayaran yuran pengajian dan sekiranya diluluskan, perlu menjelaskannya sebelum minggu peperiksaan / penilaian akhir bermula. Pelajar yang masih berstatus GT tidak dibenarkan menduduki peperiksaan / penilaian akhir.

4. Pada tahun 2020, negara berhadapan dengan krisis pandemik global COVID-19 dan ini telah menimbulkan masalah kewangan di pelbagai lapisan masyarakat termasuk pelajar dan keluarga mereka susulan penutupan pelbagai sektor pekerjaan sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula Mac 2020 dan berterusan sehingga kini.

5. Bagi menghulurkan bantuan kepada pelajar UiTM yang terkesan daripada krisis COVID-19, Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 21 / 2020 pada 08 Julai 2020 telah meluluskan cadangan pemberian kelonggaran pembayaran yuran pengajian pelajar.

6. Dengan kelonggaran yang diberikan, pelajar dibenarkan menduduki peperiksaan akhir / penilaian akhir tanpa perlu membayar yuran terlebih dahulu dan tempoh penangguhan bayaran yuran dilanjutkan sehingga ke tarikh pengumuman rasmi keputusan peperiksaan / penilaian akhir.

PELAKSANAAN

7. Kelulusan MEU berkenaan penangguhan bayaran yuran ini adalah terlaksana bagi sesi pengajian seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Program Terlibat	Sesi Pengajian	Semester
Pra-Diploma / Diploma / Sarjana Muda / Sarjana / Kedoktoran Falsafah	Sesi II 2019 / 2020	Mac-Ogos 2020
	Sesi I 2020 / 2021	Okt 2020-Feb 2021
Asasi / Profesional	Sesi I 2020 / 2021	Jul-Nov 2020
	Sesi II 2020 / 2021	Dis 2020-Apr 2021

8. Pelajar boleh memajukan permohonan penangguhan pembayaran yuran pengajian kepada Dekan Fakulti / Rektor UiTM Cawangan / Pengarah Pusat Akademik masing-masing selewat-lewatnya pada tarikh yang ditetapkan dalam Kalendar Akademik semester semasa.

9. Sekiranya pelajar tidak membuat bayaran yuran sebelum tarikh pengumuman rasmi keputusan peperiksaan / penilaian akhir, keputusan peperiksaan pelajar akan disekat seperti mana ketetapan sedia ada (rujuk keputusan Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) bil. 176 / 2012, perkara D3704).


10. Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan pelajar sendiri perlu bertanggungjawab dan peka kepada tarikh-tarikh penting di dalam Kalendar Akademik semester semasa khususnya berkaitan dengan pembayaran yuran pengajian.

TARIKH DIKELUARKAN

11. Pekeliling ini dikeluarkan pada 14 Julai 2020.

TARIKH KUAT KUASA

12. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 14 Julai 2020.



PROFESOR Ts. Dr. HAJI MOHAMAD KAMAL HAJI HARUN, FASc
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)
Tarikh : 13 Julai 2020
Kategori Pekeliling : Arahan